



SIJIL TAKAFUL STUDENTCARE

Kandungan		Muka Surat
Bahagian 1	Takrif-Takrif dan Tafsiran-Tafsiran	2
Bahagian 2	Terma-Terma dan Syarat-Syarat	7
Bahagian 3	Kelayakan	12
Bahagian 4	Perlindungan	13
Bahagian 5	Pengecualian-Pengecualian	25
Bahagian 6	Tuntutan-Tuntutan	32

SIJIL TAKAFUL STUDENTCARE

BAHAWASANYA pemegang sijil (selepas ini disebut sebagai **Peserta**) sebagaimana dinamakan di dalam Jadual yang dilampirkan (selepas ini disebut sebagai **Jadual**) oleh Istiharan Cadangan bertulis yang akan menjadi asas kepada perjanjian dan disifatkan sebagai diperbadankan dalam Sijil ini telah memohon kepada Takaful Brunei Keluarga Sdn Bhd (selepas ini disebut sebagai **Syarikat**) untuk menyertai dalam takaful ini dan mengambil pertimbangan daripadanya, telah membayar sumbangan takaful kepada Syarikat sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual, selaras dengan Undang-Undang Brunei Darussalam.

SIJIL INI SEKARANG MENYAKSIKAN bahawa bersabit daripada kejadian-kejadian yang berlaku semasa tempoh takaful yang dinyatakan di dalam Jadual dan tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian, peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat yang termaktub di dalam Sijil atau diendoskan ke atasnya (selepas ini secara rangkuman disebut sebagai Terma-Terma Sijil ini).

BAHAGIAN 1 : TAKRIF-TAKRIF DAN TAFSIRAN-TAFSIRAN

TAKRIF-TAKRIF:

Kecuali sebaliknya dikehendaki oleh konteks, takrif-takrif berikut akan digunapakai: -

Kemalangan

Bermakna kecederaan tubuh badan yang hanya disebabkan oleh kekerasan, kemalangan, faktor luaran dan nampak kelihatan dan bukan disebabkan oleh satu-satu sakit, penyakit atau keadaan fizikal dan mental yang merosot.

Perkataan Sijil

Bermakna keseluruhan Sijil yang merangkumi perjanjian asas, cadangan, kenyataan peribadi dan setiap kenyataan yang dibuat oleh Peserta dan semua Perjanjian-Perjanjian Tambahan dan endosmen-endosmen yang tergabung di dalam Jadual atau diendoskan kemudiannya dan semua pindaan-pindaan bertulis yang dibuat oleh Syarikat.

Keadaan Teruk

Bermakna suatu keadaan yang mana dengan ilmu perubatan masa kini, rawatan hanya akan meringankan tetapi tidak berupaya untuk menyembuhkannya.

Tarikh Kuatkuasa

Bermakna tarikh mula penyertaan atau pembaharuan perlindungan sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual atau Endosmen.

Ko-takaful

Bermakna sebahagian daripada tuntutan perbelanjaan perubatan yang dilindungi yang mesti dibayar oleh Orang yang Dilindungi. Jumlah mana-mana Ko-Takaful dan butiran perlindungan yang berkaitan adalah sebagaimana tertera di dalam Jadual.

Potongan

Bermakna jumlah yang mana Orang yang Dilindungi mesti menyumbang terhadap setiap kos tuntutan atau rawatan. Jumlah Potongan dan butiran perlindungan yang berkaitan adalah sebagaimana tertera di dalam Jadual.

Keilatan

Bermakna semua jenis keilatan berpunca daripada sebab yang sama termasuk mana-mana atau semua komplikasi daripadanya, melainkan selepas tiga puluh (30) hari setelah rawatan terakhir daripada Hospital terdapat satu keilatan baru, yang mana ianya adalah suatu ulangan daripada sebab yang sama, ianya akan dianggap sebagai keilatan baru.

Kecemasan

Bermakna suatu keadaan yang mana, pada pendapat Syarikat atau wakilnya yang sah, bahawa ianya melibatkan sesuatu yang serius atau perubahan kecemasan yang memerlukan rawatan perubatan serta-merta untuk mengelakkan kematian atau kecacatan serius kepada kesihatan Orang yang Dilindungi secara serta-merta atau di jangka masa panjang.

Hospital

Bermakna mana-mana institusi yang beroperasi secara sah di sisi undang-undang, menyediakan khidmat kejururawatan oleh jururawat yang berdaftar dua puluh empat (24) jam sehari, mempunyai seorang atau lebih doktor perubatan sepanjang masa dan menyediakan kemudahan untuk diagnosa dan pembedahan besar, dan bukan semata-mata merupakan sebuah klinik, pusat penempatan penagih arak atau dadah, rumah penjagaan kejururawatan bagi pemulihan atau rumah orang-orang tua atau yang seumpamanya.

Penyakit

Bermakna penyakit yang dihadapi dan / atau bermula selepas tiga puluh (30) hari daripada tarikh berkuatkuasa atau tarikh endosmen, mana-mana yang terkemudian.

Kecederaan

Bermakna kecederaan tubuh badan yang disebabkan secara langsung oleh kemalangan yang tidak disengajakan dan bebas daripada sebab-sebab lain, yang mana, kecuali bagi kejadian lemas atau kecederaan dalaman yang dimaklumkan oleh bedah siasat, terdapat bukti yang dapat dilihat sama ada lebam atau luka pada anggota luar.

Peserta

Bermakna Pemilik yang menyertai di bawah pelan takaful ini. Peserta bukan semestinya Orang yang Dilindungi.

Tempoh Takaful

Bermakna tempoh takaful sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual, termasuk juga apa-apa pemanjangan jangka waktu perlindungan yang mungkin diberikan di atas budi bicara pihak Syarikat.

Orang yang Dilindungi

Bermakna seperti yang ditakrifkan di bawah Bahagian 3, Kelayakan.

Doktor

Bermakna seorang yang mempunyai kelayakan dan berdaftar sebagai pengamal perubatan yang berlesen di bawah mana-mana undang-undang yang berkaitan dan bekerja di dalam ruang lingkup lesen dan latihannya sahaja. Doktor yang merawat bukan Peserta atau rakan perniagaan Peserta, majikan, pekerja, ejen atau orang yang mempunyai pertalian persaudaraan dengan Orang yang Dilindungi dari segenap segi.

Keadaan-Keadaan Sedia Ada

Bermakna kecederaan, penyakit, keadaan atau gejala:

- a) yang mana rawatan atau perubatan atau nasihat atau diagnosa penyakit telah dilakukan atau diterima atau dijangka sebelum Sijil berkuatkuasa bagi Orang yang Dilindungi berkenaan, atau
- b) yang mana berasal dari atau Orang yang Dilindungi itu tahu akan kewujudannya (atau sesiapa sahaja yang dilindungi di bawah Sijil) sebelum daripada Sijil berkuatkuasa sama ada atau tidak rawatan atau perubatan atau nasihat atau diagnosa penyakit telah dilakukan atau diterima.

Harga Munasabah dan Biasa

Bermakna harga penjagaan perubatan yang akan dianggap oleh Syarikat atau penasihat-penasihat perubatan Syarikat sebagai munasabah dan biasa yang mana ianya tidak melebihi tahap harga yang secara umumnya dikenakan oleh mereka yang setaraf di Brunei Darussalam, bagi rawatan yang diberi atau yang seumpama dengannya, perkhidmatan atau bekalan kepada individu yang sama jantina dan umur untuk penyakit atau kecederaan yang sama. Mana-mana ukuran harga yang mungkin dipersetujui dari masa ke semasa di antara Syarikat, Hospital-Hospital dan Doktor-Doktor juga akan menjadi suatu penanda kepada Harga Munasabah dan Biasa.

Perbelanjaan Pemulangan

Bermakna bayaran yang berpatutan untuk:

- i. Pengangkutan Orang yang Dilindungi dari Brunei ke negara asalnya (terhad untuk 1 destinasi sahaja) berikutan kecederaan anggota badan / sakit yang mengakibatkan keilatan kekal seluruh badan;
- ii. Pengangkutan jenazah Orang yang Dilindungi dari Brunei ke negara asalnya (terhad untuk 1 destinasi sahaja) yang mana kematian disebabkan oleh kecederaan anggota badan/penyakit.

Keadaan Perubatan Serius

Bermakna, untuk tujuan takrif Perlindungan Pemindahan Perubatan Kecemasan, suatu keadaan yang mana pada pendapat Syarikat atau wakilnya yang sah bahawa ianya melibatkan sesuatu yang serius perubatan kecemasan yang memerlukan rawatan perubatan serta-merta untuk mengelakkan kematian atau kecacatan serius kepada kesihatan Orang yang Dilindungi secara serta-merta atau di jangka masa panjang. Tahap seriusnya keadaan perubatan tersebut akan ditentukan di dalam konteks kawasan lokasi Orang yang Dilindungi, jenis perubatan kecemasan dan penjagaan perubatan yang sesuai atau fasiliti setempat sedia ada.

Jadual

Bermakna Jadual Sijil ini dan maklumat yang mengandungi butiran Peserta, Perlindungan, Sumbangan, dan Tempoh Takaful.

Tabarru'

Bermakna satu komitmen oleh semua Peserta takaful untuk menderma di dalam satu dana atau satu Kumpulan Wang bagi tujuan sama-sama menanggung risiko kerugian.

Keilatan Kekal Seluruh Tubuh Badan

Bermakna keilatan, sama ada disebabkan oleh kecederaan tubuh badan atau penyakit sebagaimana dinyatakan di Jadual Manfaat-Manfaat. Walaubagaimanapun untuk menentukan sama ada Keilatan Seluruh Tubuh Badan itu menjadi kekal, keilatan tersebut mestilah berterusan tanpa gangguan bagi selama tempoh tidak kurang enam (6) bulan.

Kehilangan bagi tangan dan kaki bererti hilang fungsi; bagi mata, hilang daya penglihatan sepenuhnya dan tidak dapat dipulihkan semula.

Tempoh Menunggu

Bermakna tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh berkuatkuasa / endosmen. Tiada manfaat disebabkan oleh penyakit yang berlaku semasa tempoh tersebut akan dibayar. Perbaharuan Sijil selepas tiga puluh (30) hari daripada tarikh mansuh akan mengakibatkan Tempoh Menunggu baru dikenakan.

Wakalah

Bermakna perjanjian dimana Peserta melantik Syarikat sebagai Wakil untuk mentadbir, mengurus, membuat pelaburan dan mengagihkan Kumpulan Wang tersebut kepada peserta-peserta yang ditimpa musibah dan Peserta bersetuju untuk memberikan Yuran Wakalah bagi perkhidmatan-perkhidmatan tersebut.

Wasi

Bermakna pemegang amanah untuk menerima manfaat jika Peserta meninggal dunia.

TAFSIRAN-TAFSIRAN

1. Kecuali apabila konteksnya memberi erti berbeza, setiap rujukan Sijil ini untuk jantina lelaki juga memberi erti untuk jantina perempuan, jantina berkecuali dan sebaliknya.
2. Tajuk-tajuk adalah untuk memudahkan rujukan sahaja dan ia tidak menjejaskan pembinaan dan tafsiran Sijil ini.
3. Perkataan-perkataan yang menunjukkan kepada bentuk satu adalah merangkumi juga bentuk jamak dan sebaliknya.
4. Rujukan kepada individu merangkumi juga koperasi-koperasi, syarikat-syarikat, firma-firma, perkongsian, badan-badan korporat, badan-badan bukan korporat atau mana-mana agensi atau badan negara atau kerajaan.
5. Di mana ada dua (2) orang atau lebih terangkum di dalam apa-apa istilah yang digunakan di sini, semua persetujuan- persetujuan, terma-terma, ketetapan- ketetapan, peraturan-peraturan, ketentuan-ketentuan dan jaminan-jaminan yang terkandung di sini dianggap dibuat oleh dan mengikat orang-orang tersebut secara bersama.
6. Rujukan-rujukan kepada Fasal-Fasal dan Jadual-Jadual kecuali dinyatakan sebaliknya harus ditafsirkan sebagai rujukan kepada Fasal-Fasal dan Jadual-Jadual Sijil ini.
7. Kecuali apabila konteksnya mengkehendaki sebaliknya, atau dinyatakan secara nyata, setiap rujukan kepada mana-mana “undang-undang, penggubalan (undang-undang), statut atau peraturan-peraturan”, ianya bererti , “undang-undang, penggubalan, statut atau peraturan-peraturan” Brunei Darussalam yang berkuatkuasa kini dan termasuk juga undang-undang awam (*common law*) atau adat, mana-mana undang-undang perlembagaan, perintah, penghakiman, penggubalan, perintah, ordinan, peraturan, statut, perjanjian atau ukuran perundangan yang lain, atau perintah masa kini atau masa hadapan, keperluan kepada peraturan-peraturan, keperluan (dalam setiap kes, sama ada wujud penguatkuasaan undang-undang atau tidak tetapi jika tiada penguatkuasaan undang-undang, kesesuaian dengan amalan perseorangan kepada orang yang ditujukan perintah-perintah, peraturan-peraturan, permintaan arahan, atau syarat-syarat tersebut).
8. Kecuali jika dinyatakan sebaliknya, semua rujukan kepada sebuah waktu dalam hari adalah dirujuk kepada waktu Brunei.
9. Semua rujukan kepada penggubalan (undang-undang), statut-statut dan peraturan-peraturan merangkumi juga semua pindaan-pindaan dan penggantian-penggantian yang mungkin dikuatkuasakan dari masa ke semasa.
10. Jadual ini merupakan bahagian yang tidak terpisah daripada Sijil ini dan harus diambil, dibaca dan ditafsirkan sebagai bahagian yang perlu dalam Sijil ini.
11. Setiap kebebasan, kuasa, hak, pilihan atau budi bicara yang boleh dilaksanakan atau penentuan yang mungkin dibuat oleh Syarikat dapat dilaksanakan, atau dibuat dengan budi bicara Syarikat secara mutlak dan Syarikat tidak mempunyai tanggungjawab untuk memberi apa-apa alasan sekalipun.

BAHAGIAN 2: TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

1. TEMPOH BERTENANG

Jika Peserta mendapati bahawa Sijil tidak memenuhi kehendaknya, Peserta bolehlah mengembalikan Sijil dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh bermulanya Sijil. Dalam keadaan sedemikian, dengan syarat tiada tuntutan dibuat sepanjang tempoh Sijil berjalan, Peserta berhak bagi pengembalian penuh sumbangan yang telah dibayar tanpa keuntungan ditolak perbelanjaan perubatan yang ditanggung oleh syarikat bagi mempertimbangkan permohonannya.

2. PERJANJIAN

Sijil ini, Jadual dan mana-mana endosmen kepada Sijil atau Jadual hendaklah dibaca bersama, dan mana-mana perkataan atau ungkapan di mana makna yang khas telah diberikan di mana-mana bahagian Sijil ini atau Jadual adalah mempunyai makna yang sama di mana-mana ianya terdapat.

3. PRASYPARAT KEPADA TANGGUNGAN

Pematuhan dan pelaksanaan kepada terma-terma, peraturan-peraturan dan endosmen-endosmen Sijil ini setakat mana yang berkaitan dengan apa-apa yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Peserta dan kebenaran pernyataan-penyataan dan jawapan-jawapan di dalam Borang Cadangan dan Akuan hendaklah merupakan prasyarat kepada apa-apa tanggungan Syarikat bagi membuat apa-apa bayaran di bawah Sijil ini.

Sebagai tambahan Orang yang Dilindungi mestilah memberi kerjasama sepenuhnya kepada Sarikat dan juga penasihat-penasihat perubatan Syarikat dan akan memberikan semua butiran dan hal-hal yang diketahui atau patut diketahui oleh Orang yang Dilindungi dengan sepenuhnya dan sejujurnya, dan akan jika diminta melaksanakan mana-mana dokumen untuk memberi kuasa kepada Syarikat untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan, atas perbelanjaan Orang yang Dilindungi, dari mana-mana Doktor atau Hospital atau dari sumber yang lain.

4. FAKTA TIDAK DIDEBAHKAN

Jika terbukti adanya salah penakrifan atau fakta yang tidak didedahkan, Sijil ini akan hilang sahlaku dan Syarikat tidak akan bertanggung jawab untuk membayar manfaat takaful.

5. BUKTI UMUR

Syarikat berhak pada bila-bila masa meminta umur mana-mana Orang yang Dilindungi di bawah Sijil ini yang mana ianya hendaklah dibuktikan memuaskan.

Bukti umur Orang yang Dilindungi yang memuaskan Syarikat adalah dikehendaki sebelum apa-apa manfaat baginya dibayar di bawah Sijil ini.

6. PERUBAHAN PADA SIJIL

Sijil ini, boleh pada bila-bila masa, dipinda dan diubah, melalui permintaan secara bertulis oleh Peserta dan dipersetujui oleh Syarikat, tetapi apa-apa pindaan adalah tanpa prasangka kepada mana-mana tuntutan yang timbul

sebelum tarikh perubahan tersebut dan tertakluk kepada syarat-syarat dan peruntukan-peruntukan yang akan ditetapkan oleh Syarikat.

Tiada pindaan Sijil ini akan dikira sah kecuali dibuktikan melalui endosmen yang ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Syarikat.

7. TIADA PENYERAHAN HAK

Manfaat di bawah Sijil ini tidak boleh diserahkan hak.

8. KEADAAN-KEADAAN KESIHATAN YANG SEDIA WUJUD

Tiada Manfaat yang kena dibayar di bawah Sijil ini bagi perlindungan Orang yang Dilindungi akibat daripada penyakit atau kecederaan yang berlaku sebelum berkuatkuasa Sijil ini.

9. SALAH MELAPORKAN UMUR

Sekiranya, pada umur betul, Peserta adalah sepatutnya tidak layak bagi perlindungan di bawah Sijil ini, tiada manfaat yang kena dibayar.

10. PEMBAHARUAN DAN PEMBATALAN SIJIL

Syarikat adalah tidak terikat untuk menerima apa-apa pembaharuan Sijil ini atau untuk menghantar notis pembaharuan sumbangan takaful yang telah genap tempohnya. Sijil tidak akan diperbaharui bagi melindungi Orang yang Dilindungi setelah tamat tempoh takaful ketika Orang yang Dilindungi berkenaan mencapai umur seperti yang dinyatakan dalam Jadual. Syarikat adalah berhak untuk mengubah terma-terma dan peraturan-peraturan Sijil ini pada setiap ulang tahun Sijil.

Sijil ini boleh dibatalkan oleh Peserta dengan memberi sekurang-kurangnya tujuh (7) hari notis kepada Syarikat, notis tersebut adalah untuk menyatakan bila pembatalan tersebut akan berkuatkuasa.

Dalam hal demikian, asalkan tidak ada tuntutan telah dibuat selama tempoh Sijil berjalan, Peserta berhak untuk mendapat kembali sumbangan takaful bersih (selepas ditolak yuran wakalah) yang dikira berdasarkan pro-rata untuk tempoh takaful yang masih belum luput dengan syarat Syarikat tidak dimaklumkan apa-apa tuntutan.

Sijil ini boleh dibatalkan oleh Syarikat dengan memberikan notis pembatalan bertulis kepada Peserta ke alamat perniagaan yang tertera di dalamnya, menyatakan masa, tidak kurang daripada tujuh (7) hari selepas itu, pembatalan tersebut akan berkuatkuasa. Demikian juga dengan pulangan sumbangan bersih (selepas ditolak yuran wakalah) secara pro-rata untuk tempoh takaful yang masih belum luput akan dikembalikan kepada Peserta untuk pembatalan ini dengan syarat Syarikat tidak dimaklumkan apa-apa tuntutan.

11. BAYARAN PERKHIDMATAN

Dalam hal sijil ini diendoskan atau dibatalkan, Syarikat akan mengenakan bayaran BND10.00 untuk setiap Sijil.

Tiada bayaran perkhidmatan dikenakan bagi Sijil yang diserahkan dalam tempoh bertenang.

12. TIMBANGTARA

Semua perbezaan-perbezaan yang timbul daripada Sijil ini hendaklah dirujuk kepada keputusan seorang penimbangtara yang dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang berbeza pendapat atau jika mereka tidak bersetuju terhadap penimbangtara tunggal, maka kepada kelulusan dua (2) orang penimbangtara, seorang dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dalam masa satu (1) bulan selepas diperlukan secara bertulis untuk berbuat demikian oleh mana-mana pihak atau sekiranya penimbangtara-penimbangtara itu tidak bersetuju, seorang pengadil akan dilantik secara bertulis oleh penimbangtara-penimbangtara sebelum meneliti rujukan kes berkenaan. Pengadil hendaklah bersidang dengan penimbangtara-penimbangtara dan mempengerusikan mesyuarat dan keputusan yang dibuat hendaklah merupakan syarat terdahulu kepada hak untuk membawa tindakan terhadap Syarikat. Jika Syarikat menolak tanggungjawab kepada peserta atas mana-mana tuntutan di bawah Sijil ini dan tuntutan tersebut dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada tarikh penolakan tanggungan tersebut tidak dirujuk kepada timbangtara mengikut peruntukan-peruntukan dalam Sijil ini maka tuntutan berkenaan bagi semua tujuan dikira sebagai telah ditinggalkan dan tidak boleh dituntut lagi di bawah Sijil ini kemudiannya.

13. HAK SUBROGASI

Peserta adalah, dengan perbelanjaan Syarikat, melakukan, dan bersetuju untuk melakukan, memberi izin untuk dilakukan, semua tindakan dan hal-hal yang mungkin diperlukan atau wajar dilakukan atas kehendak mereka sendiri atau sebagaimana diarahkan untuk dilakukan oleh Syarikat atau sebaliknya, untuk tujuan menegakkan semua hak dan usaha undang-undang, atau mendapatkan bantuan atau ganti rugi dari pihak lain yang Syarikat harus atau akan menjadi berhak atau subrogasi, selepas Syarikat membayar atau membaiki setiap kerugian atau kerosakan di bawah Sijil ini, sama ada tindakan atau hal-hal yang harus atau menjadi perlu atau keperluan sebelum atau selepas penggantian Peserta oleh Syarikat

14. JAMINAN SUMBANGAN

Sebagai syarat asas dan mutlak bagi perjanjian takaful bahawa sumbangan takaful yang kena dibayar mesti dijelaskan dan diterima oleh Syarikat dalam masa tiga puluh (30) hari daripada tarikh penyertaan Sijil / Endosmen ini.

Jika sumbangan takaful tidak diterima pada hari yang ke 30, maka perjanjian takaful akan secara automatic terbatal dan Syarikat berhak terhadap pro-rata sumbangan bagi tempoh risiko yang ia telah ditanggung tertakluk kepada sumbangan takaful minima BND50.00.

Dimana sumbangan takaful yang kena di bayar menurut jaminan ini telah diterima oleh Syarikat atau wakil Syarikat yang dibenarkan, pembayaran harus dianggap telah diterima oleh Syarikat untuk tujuan jaminan ini dan tanggungjawab untuk membuktikan bahawa sumbangan takaful yang kena dibayar telah diterima oleh seseorang, termasuk wakil Syarikat yang dibenarkan tetapi tidak dibenarkan untuk menerima sumbangan takaful tersebut, adalah terletak diatas Syarikat.

Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarta sijil takaful.

15. PENYELARASAN MANFAAT

Sijil ini tidak memberikan pampasan melainkan dengan asas pembahagian tertentu jika Peserta atau Orang yang Dilindungi mempunyai skim Takaful atau Insurans lain yang masih berkuatkuasa atau mempunyai kelayakan untuk mendapat bayaran daripada sumber yang lain berkaitan dengan Kemalangan, Penyakit, Kematian atau Perbelanjaan

yang sama. Syarikat mempunyai hak sepenuhnya untuk menegakkan hak dan boleh mengambil tindakan undang-undang di atas nama Peserta atau Orang yang Dilindungi, tetapi di atas perbelanjaan Syarikat, untuk mendapatkan kembali manfaat Syarikat yang dibayar di bawah Sijil ini.

16. APABILA BERLAKU PENIPUAN

Jika mana-mana tuntutan, dalam mana-mana keadaan, didapati palsu atau berlaku penipuan atau cara penipuan atau alatan yang digunakan oleh Peserta atau Orang yang Dilindungi atau sesiapa juga yang melakukannya bagi pihak mereka untuk mengaut manfaat, maka perlindungan untuk Orang yang Dilindungi akan dibatalkan serta-merta dan kesemua manfaat dan sumbangan akan dirampas.

17. PRINSIP-PRINSIP TAKAFUL DAN PEMBAHAGIAN LEBIHAN BERSIH KEUNTUNGAN

Tabarru`

Peserta dengan ini mengamanahkan kepada Syarikat bahawasanya 62% daripada sumbangan Takaful Peserta akan didermakan ke dalam Kumpulan Wang Takaful Keluarga Berkelompok secara *Tabarru`* bagi tujuan membantu peserta-peserta yang layak di dalam Sijil ini.

Al-Wakalah

Peserta dengan ini melantik Syarikat sebagai Wakil Peserta untuk mentadbir, mengurus, membuat pelaburan yang menepati prinsip Syariah dan mengagihkan Kumpulan Wang tersebut kepada peserta-peserta yang ditimpa musibah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang tertera di dalam Sijil ini. Maka adalah dengan ini, Peserta bersetuju untuk memberikan 38% daripada sumbangan takaful kepada Syarikat sebagai Yuran Wakalah bagi perkhidmatan-perkhidmatan tersebut.

Pembahagian Lebihan Bersih Keuntungan

Peserta juga memahami bahawa lebihan bersih keuntungan yang terhasil daripada Kumpulan Wang tersebut, jika ada, akan dikendalikan oleh syarikat mengikut cara-cara yang difikirkan sesuai oleh pihak Syarikat berdasarkan prinsip Syariah yang akan memberi kebaikan kepada Peserta dan Kumpulan Wang Takaful tersebut.

Sebagaimana dipersetujui dan diluluskan oleh Badan Penasihat Syariah, lebihan bersih keuntungan tersebut hanya akan diagihkan kepada Sijil yang diperbaharui di Syarikat dan Peserta tidak membuat tuntutan dan / atau menerima apa-apa pampasan dan/atau manfaat di bawah Perjanjian takaful dalam tempoh ia berkuatkuasa yang mana ianya juga tertakluk kepada budi bicara Syarikat dan keutuhan Kumpulan Wang Takaful berkenaan. Jika sijil takaful tidak diperbaharui, maka dengan ini, peserta selanjutnya bersetuju bahawasanya tiada lebihan bersih akan diagihkan kepada peserta dan ianya akan ditabarru`kan ke dalam Kumpulan Wang Takaful Keluarga bagi kemaslahatan peserta-peserta takaful dan Kumpulan Wang itu sendiri.

18. PEMBAYARAN SUMBANGAN TIDAK DIJAMIN

Sumbangan Takaful yang perlu dibayar adalah tidak dijamin dan pihak Syarikat mempunyai hak untuk menyemak semula sumbangan takaful yang perlu dibayar berdasarkan pengalaman tuntutan yang akan datang.

19. TAKAFUL SEMULA (INSURANS SEMULA)

Pihak Syarikat boleh mengikut budi bicaranya, mendapatkan perlindungan takaful semula (insurans semula) daripada mana-mana sumber yang difikirkan sesuai bagi kepentingan Peserta

BAHAGIAN 3: KELAYAKAN

Pada tarikh kuatkuasa perlindungan, Orang yang Dilindungi hendaklah:

1. Orang Dewasa berumur Harijadi Akan Datang antara lapan belas (18) hingga enam puluh lima (65) tahun;
2. Warganegara Brunei atau Pemastautin di Brunei Darussalam.

BAHAGIAN 4: PERLINDUNGAN**1. PENJAGAAN KESIHATAN**

Perlindungan Rawatan disediakan di atas asas Setiap Orang yang Dilindungi satu tahun Sijil dan tertakluk kepada had-had yang tertera di dalam Jadual Manfaat sebagaimana berikut:

(a) (i) Bilik Hospital dan Penginapan.

Manfaat Hospital akan dibayar apabila, atas perakuan seorang Doktor, Peserta telah didaftarkan sebagai pesakit dalaman di Hospital. Jumlah manfaat adalah bayaran yang dikenakan oleh Hospital selama Peserta itu tinggal di Hospital; walaubagaimanapun manfaat pada perenggan (a) tidak boleh melebihi manfaat harian yang telah ditetapkan di dalam Jadual Manfaat.

(a) (ii) Unit Rawatan Rapi

Pembayaran balik kos harian yang dikenakan oleh Pihak Hospital, selama mana Peserta tinggal di Hospital sebagai pesakit dalaman di dalam Unit Rawatan Rapi Hospital. Tempoh maksima yang akan dibayar tidak boleh melebihi tempoh maksima sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

(b) Perkhidmatan Pelbagai Hospital

Selain daripada Manfaat Harian dalam perenggan (a) di atas, Manfaat Perkhidmatan Khusus Hospital juga akan dibayar selama mana Peserta telah didaftarkan sebagai pesakit dalaman di Hospital serta disediakan atau diberikan Perkhidmatan Hospital khusus secara biasa oleh Hospital untuk rawatan keilatan tersebut. Jumlah manfaat adalah bayaran yang dikenakan oleh Hospital selama mana Peserta itu tinggal di Hospital; walaubagaimanapun manfaat ini tidak boleh melebihi manfaat maksima sebagaimana yang ditetapkan di dalam Jadual Manfaat dalam keadaan apa sekalipun.

Perkhidmatan Hospital Khusus yang diperlindungi di bawah Sijil ini termasuk perkara berikut:

Penggunaan Bilik Bedah;
Ubat-ubatan yang diambil di Hospital;
Mencuci luka, Anduh Biasa dan Acuan Plaster;
Pemeriksaan Makmal;
Electrocardiograms;
Ujian Basal Metabolisme;
Terapi Fizikal;
Terapi X-ray, Terapi Radium, Radium dan Isotop;
Pemeriksaan X-ray;
Infusi intravena;
Pentadbiran dan kos Darah atau Plasma Darah.

(c) Bayaran Pembedahan

Sebagai tambahan kepada manfaat yang boleh dibayar di dalam perenggan (a) dan (b) di atas, manfaat pembedahan akan dibayar mengikut jumlah yang dikenakan bagi pembedahan tersebut, dengan syarat manfaat maksima bagi semua pembedahan yang dilakukan tidak boleh melebihi jumlah yang diperolehi mengikut peratusan (yang tertera di dalam Jadual Bayaran Pembedahan) dari jumlah maksima manfaat pembedahan yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat. Jika dua atau lebih prosedur dilakukan menggunakan satu pembedahan yang sama, pembayaran balik bagi kos untuk semua prosedur tersebut tidak boleh melebihi jumlah yang dinyatakan untuk prosedur satu pembedahan yang dilakukan yang mana jumlah terbesar akan dibayar. Di mana pembedahan untuk keilangan dilakukan dalam pelbagai tahap dalam tempoh waktu tertentu, maka semua kos pembedahan yang dikenakan dalam pelbagai tahap untuk keilangan tersebut itu akan dirangkum dalam jumlah maksima yang boleh dibayar mengikut Jadual Bayaran Pembedahan.

(d) Bayaran Bius

Jumlah manfaat adalah jumlah yang dikenakan oleh pakar bius untuk membekalkan dan pengurusan bius tetapi tidak melebihi 30% daripada Bayaran Pembedahan yang dibayar balik.

(e) Lawatan-Lawatan Doktor di dalam Hospital.

Sebagai tambahan kepada Manfaat-manfaat di atas, Syarikat akan membayar untuk Orang yang Dilindungi yang memerlukan khidmat doktor berkaitan dengan rawatan kecederaan badan akibat kemalangan atau penyakit, bayaran munasabah dan biasa untuk lawatan - lawatan yang dilakukan oleh doktor di hospital. Manfaat yang akan dibayar adalah untuk satu lawatan sehari dan tertakluk kepada had Sijil setahun sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

Walaupun, jika pembedahan telah dilakukan, manfaat ini akan dimasukkan ke dalam jumlah maksima bayaran pembedahan yang boleh dibayar di bawah Jadual Bayaran Pembedahan.

(f) Perkhidmatan Diagnosa Pra-Hospital.

Manfaat di atas memberikan bayaran balik kos yang dikenakan untuk X-ray diagnostik dan pemeriksaan Makmal sebagai Pesakit Luar sebagaimana diakui oleh seorang Doktor berkaitan dengan keilangan yang disebabkan oleh kecederaan badan atau oleh penyakit.

Jumlah pembayaran daripada manfaat ini tidak boleh melebihi had maksima sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual Manfaat. Tiada pembayaran akan dibuat jika dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas X-ray diagnostik dan pemeriksaan makmal dilakukan, Peserta tidak perlu dimasukkan ke dalam Hospital atau diberi rawatan pembedahan.

(g) Rundingan Doktor Pakar Pra-Hospital

Syarikat akan membayar kos sebenar yang telah dibayar oleh Peserta untuk rundingan Doktor Pakar sebagai Pesakit Luar, tidak termasuk ubat-ubatan, sebagaimana diakui oleh Doktor berikutan suatu penyakit atau kecederaan. Pembayaran untuk semua perkhidmatan yang telah diberikan akibat dari mana-mana satu keilangan tersebut tidak boleh melebihi manfaat maksima sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual Manfaat. Tiada pembayaran akan diberikan jika dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas perundingan dengan Doktor Pakar, Peserta tidak perlu dimasukkan ke dalam Hospital atau diberi rawatan pembedahan.

(h) Bayaran Ambulan

Membayar balik kos yang dikenakan untuk perkhidmatan ambulan, tetapi tidak melebihi jumlah maksima yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

(i) Rawatan Selepas Hospital.

Setelah keluar daripada Hospital, pembelanjaan yang dikenakan untuk rawatan susulan oleh doktor yang sama akan dibayar balik sehingga tempoh tiga puluh (30) hari selepas dikeluarkan daripada hospital tertakluk kepada manfaat maksima sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

(j) Rawatan Pesakit Luar.

Perundingan dan rawatan utama, termasuk bayaran doktor, bayaran pengamal perubatan umum, ubat-ubatan yang dipreskripsikan, prosedur diagnostik, patologi, radiografi, radiologi, radioterapi, kemoterapi dan fisioterapi oleh pakar tulang, pakar osteopati, pakar homeopati, pakar akupunktur apabila dirujuk oleh doktor.

(k) Perbelanjaan Pengebumian.

Sekiranya berlaku kematian ke atas Peserta, Syarikat dengan bukti yang memuaskan akan membayar Perbelanjaan Pengebumian sehingga had yang dinyatakan di dalam Jadual dalam tempoh dua puluh empat (24) jam.

Manfaat ini hanya diberikan jika pengebumian dilakukan di Brunei Darussalam.

(l) Perbelanjaan Pemulangan

Syarikat dengan bukti yang memuaskan, akan membayar manfaat untuk Perbelanjaan Pemulangan seperti yang ditakrifkan jika, dalam tempoh takaful Orang yang Dilindungi mengalami kecederaan tubuh badan atau sakit yang mengakibatkan kematian atau dimasukkan ke wad Hospital di mana-mana hospital yang berlesen dan berdaftar di seluruh dunia bagi menerima rawatan dan sehubungan dengan ini disahkan oleh Doktor yang merawat bahawa Orang yang Dilindungi tidak berupaya melakukan pekerjaannya.

Jumlah Manfaat tersebut adalah bersamaan dengan bayaran yang dikenakan oleh pihak yang berkenaan, tetapi manfaat tidak boleh melebihi jumlah maksima yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat.

(m) Pemindahan Kecemasan Perubatan, Pemulangan Perubatan dan Pemulangan Jenazah

International SOS Pte Ltd akan menyediakan dan membayar khidmat bagi Pemindahan Kecemasan Perubatan, Pemulangan Kecemasan Perubatan dan Pemulangan Jenazah yang diakibatkan oleh kemalangan, penyakit atau kematian Orang yang Dilindungi berlaku semasa ia bermusafir di luar Brunei untuk tempoh tidak melebihi sembilan puluh (90) hari berterusan dalam satu perjalanan.

Pengurusan dan Pembayaran bagi Pemindahan Kecemasan Perubatan

International SOS Pte Ltd akan menguruskan pengangkutan udara dan/atau darat serta perhubungan untuk memindahkan Orang yang Dilindungi apabila ia berada di dalam keadaan yang memerlukan rawatan perubatan yang serius ke hospital terdekat di mana rawatan perubatan yang sesuai boleh didapati. International SOS Pte Ltd juga akan membayar perbelanjaan perubatan yang diperlukan bagi pengangkutan, komunikasi dan semua bayaran yang biasa dan munasabah yang dikenakan bagi perkhidmatan yang diuruskan oleh International SOS Pte Ltd.

International SOS Pte Ltd mempunyai hak mutlak untuk memutuskan sama ada keadaan kesihatan Orang yang Dilindungi cukup serius bagi melaksanakan pemindahan kecemasan perubatan. International SOS Pte Ltd juga mempunyai hak untuk menentukan tempat di mana Orang yang Dilindungi harus dipindahkan begitu juga dengan cara atau kaedah untuk melaksanakan pemindahan tersebut selepas mengambil kira kesemua fakta-fakta yang telah dinilai dan keadaan-keadaan di mana International SOS Pte Ltd menyedari pada waktu berkaitan.

Pengurusan dan Pembayaran bagi Pemulangan Kecemasan Perubatan.

International SOS Pte Ltd akan menguruskan pemulangan Orang yang Dilindungi ke Brunei sama ada menggunakan pengangkutan udara dan/atau darat berikutan pemindahan kecemasan perubatan yang mana Orang yang Dilindungi perlu dipindahkan ke satu tempat di luar Brunei untuk rawatan di hospital. International SOS Pte Ltd akan membayar perbelanjaan yang diperlukan dan tidak dapat dielakkan di dalam perkhidmatan yang diuruskan oleh International SOS Pte Ltd.

International SOS Pte Ltd berhak untuk menentukan cara atau kaedah untuk melaksanakan pemindahan selepas mengambil kira semua fakta-fakta yang telah dinilai dan keadaan-keadaan di mana International SOS Pte Ltd menyedari pada waktu berkaitan.

Pengurusan dan Pembayaran Pemulangan Jenazah.

Pihak International SOS Pte Ltd akan menguruskan pengangkutan jenazah Orang yang Dilindungi dari tempat kematian ke Brunei dan membayar segala perbelanjaan yang berpatutan dan tidak dapat dielakkan sama ada melalui pengangkutan udara dan/atau darat sebagaimana yang diuruskan oleh International SOS Pte Ltd atau sebaliknya membayar perbelanjaan pengebumian di tempat di mana peserta tersebut meninggal dunia sebagaimana diluluskan oleh Pihak International SOS Pte Ltd.

(n) Lawatan Ehsan Kecemasan

Syarikat akan membayar kos yang dikeluarkan oleh Peserta untuk satu tiket kapal terbang kelas ekonomi dari tempat pengajian untuk melawat ahli keluarga terdekat, yang berumur sehingga mencapai usia 75 tahun sekiranya keadaan perubatan yang menyebabkan ahli keluarga terdekat itu berada di dalam keadaan kritikal atau mati. Terhad kepada satu perjalanan pergi balik bagi seorang Peserta di dalam satu tahun pelan.

JADUAL BAYARAN PEMBEDAHAN

The coverage also applies to procedures not described in this Schedule, and The Company will determine a maximum payment for such procedure which is consistent with the payments listed. Such determination will, in each case, take into account the nature and complexity of the procedure involved and the exclusions and other restriction application.

Description of Surgical Operation	Percentage of Maximum Benefit
-----------------------------------	-------------------------------

ABDOMEN

Appendectomy	50
Biopsy of pancreas	45
Cholecystotomy or cholecystostomy, drainage or removal of calculus (incision into the gall-bladder to remove stones	55
Colon resection, partial with or without colostomy	75
Total resection	100
Gastro or duodenal ulcer, perforation, closure of	75
Gastro –enterostomy	75
Gastro-jejunosotomy	75
Gastroscopy and/or duodenoscopy	20
Gastrostomy (opening into the stomach)	60
Gut, resection of	100
Hepatectomy (resection of liver) partial lobectomy	75
Intestinal obstruction, acute	100
Laparotomy, exploratory	55
Liver Biopsy	20
Pancreatectomy, total or sub-total	75
Spleen, removal of	100
Stomach, total or partial resection of	100

ABSCESS

Incision and drainage of superficial abscess, boil or furuncle, one or more	5
Treatment of carbuncle or abscess requiring hospitalisation, one or more	20

AMPUTATION OF

Arm, upper, forearm, entire hand or foot	55
Fingers, thumbs, toes, each	20
Hip joints	100
Leg, through tibia and fibula	55
Shoulder joint or blade (Interscapula-thoracic)	100
Thigh, between hip and knee	75
Wrist, distal to metacarpals	30

BREASTS

Biopsy of breast, incisional	20
Excision of cyst, fibro-adenoma or other benign tumour, aberrant breast tissue, duct lesion or nipple lesions	25
Mastectomy, simple	50
Mastectomy, radical, including breast, pectoral muscles and axillary lymph nodes, unilateral	75

CHEST

Artificial pneumothorax, induction of	
Initial	13
Refills, each but not more than six	5
Bronchoscopy, diagnostic	20
Operative, excluding biopsy	30
Cardiomyolysis (removal of portion of chest walls)	100
Heart, wound of requiring sutures of wall	100
Intrathoracic, or Intra-abdominal aneurysm	100
Lobectomy, total or sub-total	90
Wedge resection	75

Lung, complete removal or portion of	90
Pericardium, opening and draining	75
Pneumonectomy, total	100
Thoracoplasty, complete	100
Thoracotomy, exploratory	50
Removal of pus, tapping excepted	13

CIRCULATORY SYSTEM

Abdominal aortic aneurysm (circumscribed dilation of aorta)	100
Thoracic aortic aneurysm-transverse arch graft	100
Transvenous Placement of Endocardial pacemaker	30

JOINTS AND DISLOCATIONS

Ankle dislocation, closed or open, reduction	60
Arthroscopy	20
Hip dislocation, closed or open, reduction	65
Knee dislocation, open with uncomplicated soft tissue closure, manipulative reduction	40
Tarsal bone dislocation, closed or open reduction	35
Wrist dislocation, closed or open reduction	35

EXCISION OR FIXATION BY CUTTING

Ankle, elbow, knee or wrist joints	50
Bone, removal of, diseased portion of femur, tibia, humerus of fibula	40
Hip joint, shoulder or spine	75
Lesser bones	20
Synovectomies of ankle and toes	40

EAR

Ear operation for epithelioma of	20
Fenestration, one or both sides	100
Mastoidectomy – simple	
radical	50
Myringoplasty	80
Myringotomy for otitis media	65
Removal of adenoids alone	15
Removal of aural polyp	10
Stapes, mobilisation	5
	60

EYE

Cataract, removal of	60
Detached retina – operation for	75
Eyeball, removal of	45
Foreign body, removal of, from cornea	5
Glaucoma or Trauma	45
Pterygium removal of	30
Sty or chalasion, incision of	10

FRACTURES, TREATMENT OF

Ankle joint, opening for drainage	40
Ankle simple-closed reduction	35
Carpal bone fracture(s) closed or open reduction	35
Colles, including ulnar styloid simple-closed	
Reduction	25
Simple or compound – open reduction	40
Elbow, distal end of humerus or proximal	
End of radius or ulna, one or more bones, simple – closed reduction	40
Femur, shaft, including supra condyle simple	
- closed reduction	40
simple or compound – open reduction	70
Fibula, shaft, simple – closed reduction	25
simple or compound – open reduction	50
Finger, simple – closed or open reduction	25
Humerus, shaft simple – closed reduction	25
simple or compound – open reduction	50
Jaw, wiring lower of	50



Sijil Takaful StudentCare

Knee, removal of loose bodies	40		
Knee, removal of semilunar cartilage	60		
Metacarpal fracture(s) closed or open reduction	35		
Nose, simple –closed reduction	15		
Osteomyelitis of long bones, Acute	85		
Chronic	70		
Patella, wiring of	50		
Radius or ulna, shaft			
simple – closed reduction	20		
simple – compound – open reduction	40		
Radius and ulna, simple – closed reduction	25		
simple and compound – open reduction	55		
Rib, simple, strapping	18		
Shoulder or knee joint, opening for drainage	40		
Tibia, shaft, simple – closed reduction	25		
simple or compound – open reduction	40		
Tibia and fibula			
simple – closed reduction	30		
simple or compound – open reduction	60		
		GENITO – URINARY TRACT	
		Bladder ruptured	75
		removal of growths by abdominal surgery	75
		removal of growths by diathermy	40
		removal of stone	75
		Curettage orcauterisation of cervix, non-puerperal	13
		Cystectomy – with ureteroileal conduit or sigmoid	
		bladder with bilateral pelvic lymphadenectomy	100
		Cystoscopy – diagnostic	
		- with minor endoscopy procedure	5
		(eg. biopsy)	10
		Dilatation and curettage, non-puerperal	25
		Evacuation of foreign bodies from the bladder	25
		Hydrocele, radical care of	30
		Hysterectomy, radical for cancer	65
		with complete removal of tubes and ovaries	75
		with or without appendectomy	65
		Kidney haemorrhage due to accident	75
		Fixation of	75
		Removal of, with total ureterectomy & bladder	
		Cuff	85
		Removal of stone	50
		Laparascopy	20
		Myomectomy, single or multiple, excision of	
		fibroid tumour of uterus-abdominal approach	60
		Orchidectomy	30
		Renal homotransplantation with unilateral	
		recipient nephrectomy	100
		Salpingectomy or oophorectomy or both,	
		unilateral or bilateral, independent procedure	55
		Testicles – Castration for growths or tuberculous of	30
		- Open testicular bispsy	10
		Transurethral resection of prostate	75
		Endoscopic means – partial removal	30
		Ureter, removal of stone	35
		Urethra, stricture of, open operation	30
		Intra-urethral cutting operation	15
		Vacocoele, Epeididymectomy,	
		Excision of – single	25
		- bilateral	35
		GOITRE	
		Hemithyroidectomy	40
		Lymphatic glands	
		removal of malignant tumours of	100
		removal of tumours for diagnosis or adenoma of thyroid	50
		Thyroidectomy, sub-total	50
		Total	65
		HERNIA	
		Herniorrhaphy	35
		Herniotomy	50
		Strangulated hernia	75
		LIGAMENTS AND TENDONS	
		Tendon, lengthening or shortening	20
		repair and suture	25
		Transplantation	50
		Extensive grafting	50



Sijil Takaful StudentCare

Deep suppuration in palm, forearm arm sole, leg or thigh involving multiple incisions or drainage	30	SKULL	
Repair of the Achilles tendon	40	Cutting into cranial cavity, trephining and Tapping excepted	100
NAIL		Removal of bone trephining or decompression	40
Excision of nail and nail matrix, partial or		Trephining for fracture middle meningeal or Other Intracranial haemorrhage	100
Complete (e.g. ingrown nail)	15	Tumour or abscess of the brain, cerebral or Cerebellar tumours	100
NOSE		SPINE OR SPINAL CORD	
Antrum puncture	5	Division of posterior spinal tracts or roots	100
Extranasal sinus operation	18	Gasserian ganglion, resection of	75
Intranasal sinus operation	25	Intervertebral disc, excision of – without spinal fusion	75
Mastoid, radical cure for	60	with spinal fusion	100
Nose, reconstruction of	75	Laminectomy	100
Polypus, removal, one or more	10	Nerve grafting	50
Sarcoms, operation for, or epithelioma of nose	60	Spinal cord tumour, operation for	100
Submucous resection	40	THROAT	
Toilet and suture	5	Adenoidectomy, independent procedure	15
Turbineotomy	10	Excision of tumours of cords & epiglottis/or Stripping of vocal cords	35
OESOPHAGUS		Jaw, total excision of upper or lower	100
Oesophagus	20	Partial excision	50
Oesophagus, operation stricture	38	Laryngectomy, without neck dissection	75
Oesophagus, resection	100	Laryngoscopy, direct operative with biopsy	25
PILONIDAL CYST OR SINUS		Parotidectomy	
Removal of	30	Removal of lower lip for cancer	50
PARACENTESIS		Tongue, total excision of for cancer	100
Tapping of – Abdomen	13	Tonsillectomy with or without adenoidectomy	20
Chest or bladder, cauterisation excepted	8	Tracheotomy, independent procedure	20
Ear drum, hydrocele, joints or spine	5	TUMOURS	
RECTUM		Benign tumours of the testicle	20
Colonoscopy with or without biopsy	20	Benign tumours one or more, except as otherwise Herein provided	
Fissure-in-ano, cutting operation for – Independent procedure	40	Requiring hospital confinement	20
Fistulotomy or fistulectomy – simple	35	Not requiring hospital confinement	5
multiple	45	Excision of Bartholin's tumour or cyst	25
Haemorrhoidectomy, internal & external, complex or extensive	55	Ganglion	20
Haemorrhoidectomy and fistulotomy or fistulectomy	60	Incision or drainage of cyst	5
Incision & Drainage of ischiorectal and/or perirectal / perianal abscess	15	Lesion of tendon sheath – wrist	20
Papillectomy, single or multiple procedure	8	Malignant tumours of the mucous membrane, Skin and sub-cutaneous tissue	25
Other cutting operation of rectum	25	Malignant tumours, surgical removal of, except, those of the mucous membrane, skin and sub- cutaneous tissue	50
Rectum, excision of	100	Warts or moles	5
Sigmoidectomy	20	VARICOSE VEINS	
		Aneurysm in large arteries	50
		Cutting operation or injection treatment, both legs	60
		Ligation of small arteries smaller aneurysms	10
		Stripping of varicose vein, one leg	30



2. MANFAAT PERJALANAN

(a) Tanggungan Peribadi

Syarikat akan membayar gantirugi kepada Peserta sehingga had BND\$50,000.00 terhadap tanggungan yang sah di sisi undang-undang kepada pihak ketiga berikutan kejadian yang terjadi semasa perjalanan dari Brunei Darussalam ke negeri pengajian dan sebaliknya sebagai akibat daripada:

- i. Kecederaan kepada orang lain disebabkan oleh kemalangan;
- ii. Kerugian atau kerosakan harta benda orang lain disebabkan kemalangan.

Dan tertakluk had manfaat ini juga ialah membayar gantirugi Peserta terhadap bayaran dan perbelanjaan kepada pihak ketiga selagi Peserta tidak mengakui tanggungan atau bersetuju terhadap mana-mana penyelesaian tanpa memberitahu terlebih dahulu dan mendapatkan kelulusan bertulis daripada Syarikat.

(b) Kehilangan/Kerosakan Bagasi

Syarikat menyediakan pampasan untuk kehilangan yang layak, pecah atau rosak yang terjadi semasa perjalanan dari Brunei Darussalam ke negeri pengajian dan sebaliknya, kepada Bagasi Peserta atau harta peribadi yang dibawa bersama semasa perjalanan.

DENGAN SYARAT BAHAWA:

1. Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas kerugian selain daripada yang diakibatkan daripada kecurian, rompakan, kemalangan atau kesilapan mengendali oleh pihak pengendali penerbangan dan juga hanya apabila kerugian tersebut telah dilaporkan kepada polis, pengendali penerbangan atau pihak yang bertanggungjawab dalam tempoh dua puluh empat (24) jam ianya terjadi;
2. Peserta harus mengambil berat penjagaan yang biasa dan wajar untuk keselamatan harta benda yang dipelihara, termasuk memeriksa Bagasi apabila diterima dan jika berlaku apa-apa kebinasaan, kehilangan atau kerosakan yang dapat dikenalpasti Peserta, ia harus SEGERA memberitahu kepada:-
 - (a) Polis dalam kes kecurian, kehilangan atau kerosakan yang disengajakan oleh pihak ketiga, dan mendapatkan salinan rasmi laporan polis;
 - (b) Pengendali penerbangan ketika kehilangan atau kerosakan berlaku semasa transit, dan mendapatkan salinan rasmi Laporan Bagasi Luar Kebiasaan.
3. Had tanggungan Syarikat bagi setiap barang/pasang atau set ialah BND1,000.00;
4. Syarikat akan membayar gantirugi kepada Peserta terhadap kehilangan atau kerosakan secara penggantian atau pembaikan yang melebihi tolakan BND30.00 untuk setiap kejadian dengan syarat tanggungan maksima Syarikat tidak melebihi jumlah perlindungan.

(c) Kelewatan Bagasi

Syarikat akan membayar sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat untuk pembelian kecemasan barang-barang keperluan seperti pakaian atau keperluan-keperluan lain berikutan ketiadaan sementara Bagasi sekurang-kurangnya dua belas (12) jam dari waktu sampai ke tempat tujuan disebabkan oleh penangguhan atau kesilapan penghantaran.

DENGAN SYARAT BAHAWA:

1. Kelewatan ini disahkan oleh Laporan rasmi Bagasi Luar Kebiasaan daripada syarikat penerbangan atau secara bertulis daripada pengendali pelancongan;



Sijil Takaful StudentCare

2. Kelewatan ini bukanlah akibat daripada penahanan atau penyitaan oleh pihak kastam atau pegawai lain;
3. Dokumentasi (termasuk resit pembelian yang asal) ditunjukkan oleh Peserta yang menyatakan butiran terperinci perbelanjaan;
4. Manfaat ini hanya boleh digunakan sekali selama tempoh takaful;
5. Tuntutan tidak boleh dibuat di bawah bahagian ini jika kerugian yang sama telah dituntut di bawah bahagian Bagasi takaful ini;
6. Tiada perlindungan diberikan selepas pulang ke rumah atau sampai ke destinasi akhir.

(d) Pembatalan Perjalanan

Syarikat membayar pampasan kepada Peserta terhadap kehilangan perjalanan atau deposit tiket kapal terbang atau bayaran untuk rancangan perjalanan lain yang tidak boleh dituntut balik daripada pengendali pelancongan atau syarikat penerbangan dengan syarat bahawa kerugian tersebut akibat daripada:

1. Panggilan untuk menjadi saksi, perkhidmatan juri, sekatan kerajaan atau kuarantin wajib. Dan ianya bukan disebabkan oleh keadaan perubatan atau fizikal atau keadaan lain yang Peserta tahu wujud pada tarikh tiket dikeluarkan.

DENGAN SYARAT BAHAWA;

- (a) Manfaat atas kehilangan atau tiket kapal terbang hanya sah daripada tarikh takaful ini dikeluarkan sehingga tarikh berlepas yang pertama disahkan atau sehingga tarikh akhir daripada perancangan perjalanan sebagaimana ditetapkan sebelum berlepas yang mana akan berlaku kemudian.

(e) Pemendekkan Jadual Perjalanan

Syarikat memberi pampasan kepada Peserta terhadap kerugian berdasarkan pro-rata untuk bahagian pengangkutan atau kos penginapan yang telah dibayar tetapi tidak digunakan termasuk dalam perjalanan dari Brunei Darussalam ke tempat pengajian dan sebaliknya yang timbul daripada pemendekkan jadual perjalanan yang perlu dan yang tidak boleh dielakkan sebagai akibat langsung daripada kecederaan anggota badan atau sakit Peserta atau daripada rampasan kapal terbang atau kenderaan di mana Peserta melakukan perjalanan sebagai penumpang yang membayar tiket.

DENGAN SYARAT BAHAWA: -

1. Apa-apa punca pemendekkan bukanlah daripada keadaan perubatan atau fizikal atau keadaan lain yang Peserta wujud pada tarikh tiket dikeluarkan;
2. Peserta yang keadaannya menjadi penyebab kepada tuntutan tidak menerima rawatan sebagai pesakit di dalam Hospital atau Rumah Jururawat atau berada di dalam senarai menunggu untuk rawatan tersebut atau telah menerima prognosis kematian, pada tarikh takaful ini dikeluarkan;
3. Bukti secara persuratan yang memuaskan mestilah ditunjukkan bagi menyokong sebarang tuntutan.

(f) Kejadian Mogok dan Rampasan

Syarikat akan membayar BND50.00 setiap hari sehingga had B\$500.00 jika perjalanan Peserta tertunda atau terhalang dari sampai kepada tempat tujuan yang dijadualkan sebagaimana dinyatakan di dalam jadual perjalanan yang telah disahkan disebabkan sepenuhnya oleh tindakan terancang, atau rampasan berlaku semasa Peserta berada di dalam kapal terbang atau kenderaan.

DENGAN SYARAT BAHAWA kelewatan yang berlaku melebihi dua belas (12) jam.



(g) Kehilangan / Kerosakan Komputer & Komputer riba

Syarikat akan melindungi kerosakan atau kehilangan sebuah Komputer riba / komputer semasa perjalanan dari Brunei Darussalam ke negeri pengajian dan sebaliknya tertakluk kepada jumlah sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

DENGAN SYARAT BAHAWA:

1. Syarikat akan membayar gantirugi kepada Peserta terhadap kehilangan atau kerosakan secara penggantian atau pembaikan yang melebihi tolakan BND30.00 untuk setiap kejadian dengan syarat tanggungan maksima Syarikat tidak melebihi jumlah perlindungan.
2. Jika pembayaran kerugian adalah secara penggantian, jumlah gantian adalah mengikut harga susut nilai yang dikira untuk 5 tahun bagi computer dan 3 tahun bagi computer riba sejak tarikh pembelian.

3. KEMATIAN KEMALANGAN DAN KEILATAN KEKAL

Syarikat akan membayar kepada Peserta atau warisnya sebagai Wasi, sejumlah wang seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat jika sekiranya Peserta mendapat Kecederaan Tubuh Badan yang disebabkan oleh kemalangan luaran yang hebat dan tidak sengaja dan dengan cara yang boleh dilihat yang bebas daripada sebab-sebab lain yang mengakibatkan:

- A. KEMATIAN yang berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada kecederaan tubuh badan seperti yang tersebut di atas.
- B. KEILATAN KEKAL seperti yang disenaraikan dalam Jadual Manfaat yang berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada kecederaan tubuh badan seperti yang tersebut di atas.

Jika semasa Keilatan, berlaku kematian Orang yang Dilindungi, Syarikat tertakluk kepada bukti, membayar baki manfaat Kematian Kemalangan yang kena dibayar dibawah Sijil Asas.

Manfaat Keilatan tamat jika Orang yang Dilindungi mencapai umur enam puluh (60) tahun.

Jika berlaku Kematian Kemalangan dan Keilatan Kekal disebabkan kemalangan, tanggungan Syarikat adalah terhadap kepada satu kejadian sahaja yang mana terdahulu.

4. KEMATIAN DAN KEILATAN KEKAL SELURUH TUBUH BADAN

Sekiranya berlaku kematian ke atas Peserta di bawah Sijil ini, Syarikat, dengan bukti yang memuaskan, akan membayar manfaat yang kena dibayar di bawah Sijil ini kepada Peserta atau Wasinya tertakluk kepada pengecualian-pengecualian.

Setelah diterima dan diluluskan bukti bahawa mana-mana Orang yang Dilindungi di bawah Sijil Asas dan Fasal ini, mengalami Keilatan Kekal Seluruh Badan seperti yang ditakrifkan, Syarikat tertakluk kepada peruntukan-peruntukan lain dalam Fasal ini, membayar kepada Peserta mengikut yang ditetapkan di Jadual Manfaat-Manfaat, terma-terma dan peruntukan-peruntukan dalam Sijil Asas.

Jika semasa Keilatan, berlaku kematian Orang yang Dilindungi, Syarikat tertakluk kepada bukti, membayar baki manfaat Kematian yang kena dibayar dibawah Sijil Asas.

Manfaat Keilatan tamat jika Orang yang Dilindungi mencapai umur enam puluh (60) tahun.



Jika berlaku Kematian dan Keilatan Kekal Seluruh Tubuh Badan, tanggungan Syarikat adalah terhad kepada satu kejadian sahaja yang mana terdahulu.

**JADUAL MANFAAT-MANFAAT
KEILATAN KEKAL**

Keterangan Penyakit / Kecederaan	Peratusan Perlindungan
1. Hilang Penglihatan	
(a) Kedua-dua mata	100%
(b) Sebelah mata	50%
2. Hilang Pendengaran	
(a) Kedua-dua telinga	100%
(b) Sebelah telinga	50%
3. Hilang Kuasa Pertuturan	50%
4. Hilang Tangan	
(a) Pada bahu	50%
(b) Bawah pergelangan tangan	50%
5. Hilang kaki	
(a) Pada pengkal paha	50%
(b) Di bawah paras lutut	50%
6. Hilang	
(a) Empat batang jari dan ibu jari sebelah tangan	50%
(b) Empat batang jari sebelah tangan	40%
(c) Ibu jari	
- Kedua-dua ruas	25%
- Satu ruas	10%
(d) Jari Telunjuk	
- Ketiga-tiga ruas	10%
- Kedua-dua ruas	8%
- Satu ruas	4%
(e) Jari Hantu	
- Ketiga-tiga ruas	6%
- Kedua-dua ruas	4%
- Satu ruas	2%
(f) Jari Manis	
- Ketiga-tiga ruas	5%
- Kedua-dua ruas	4%
- Satu ruas	2%
(g) Jari Kelingking	
- Ketiga-tiga ruas	4%
- Kedua-dua ruas	3%
- Satu ruas	2%
(h) Tulang Tapak Tangan	
- Pertama atau kedua (tambahan)	3%
- Ketiga, Keempat atau kelima (tambahan)	2%
(i) Jari Kaki	
- Kesemua	15%
- Ibu Jari, Kedua-dua ruas	5%
- Ibu Jari, satu ruas	2%
- Lain-lain jari, sekiranya lebih dari sebatang, tiap-tiap satu	1%



Sijil Takaful StudentCare

Kehilangan bagi tangan dan kaki bererti hilang fungsi; bagi mata, hilang daya penglihatan sepenuhnya dan tidak dapat dipulihkan semula.

Hilang upaya kekal mana-mana anggota akan dikira sebagai hilang anggota tersebut.

Sekiranya keilangan tidak tercatat diatas selain daripada hilang deria rasa atau bau, Syarikat akan mengambil peratusan keilangan yang mana menurut pendapat Syarikat selari dengan peruntukan di atas dan tanpa mengambil kira pekerjaan Orang yang Dilindungi.

Jumlah keseluruhan peratusan layak dibayar berkaitan dengan satu-satu kemalangan dan dalam setiap tempoh Takaful tidak boleh melebihi 100% daripada jumlah perlindungan.

Jika sekiranya Orang yang Dilindungi itu layak di bawah Fasal Keilangan Kekal Seluruh Tubuh Badan dan Keilangan Kekal akibat kemalangan, maka jumlah manfaat hanya akan dibayar di bawah satu Fasal sahaja, iaitu mengikut mana yang lebih besar jumlahnya.



BAHAGIAN 5: PENGEQUALIAN-PENGEQUALIAN

1. PENJAGAAN KESIHATAN

Rawatan, butiran, keadaan, aktiviti dan perkara yang berkaitan atau perbelanjaan susulan berikut adalah terkecuali daripada Sijil dan Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membayar bagi:

1. Kos atau bayaran yang dikenakan terhadap penyakit yang dihidapi semasa tempoh waktu menunggu tiga puluh (30) hari dari tarikh kuatkuasa Sijil atau Endosmen;
2. Keadaan-Keadaan sedia ada sebagaimana ditakrifkan dan/atau sebagaimana dipersetujui oleh pihak Syarikat secara bertulis sebelum Tarikh Kuatkuasa Sijil. Walaubagaimana mana-mana keadaan yang adalah atau menjadi kronik akan dikecualikan. Sijil akan terus melindungi mana-mana keadaan yang akut atau teruk.

Sebagai tambahan, adalah difahami bahawa penyakit-penyakit berikut adalah tidak dilindungi:

- a) Semua jenis ketumbuhan dalaman;
 - b) Ketumbuhan termasuk Leukimia;
 - c) Endometriosis;
 - d) Penyakit keturunan;
 - e) Penyakit Alzheimer, Dementia, Parkinson;
 - f) Penyakit Autoimmune;
 - g) Dialisis Buah Pinggang secara teratur atau jangka waktu panjang dalam tahap kronik atau tahap akhir kegagalan buah pinggang.
3. Pemeriksaan perubatan rutin, pemeriksaan mata atau telinga rutin, vaksinasi, surat akuan perubatan, pemeriksaan kesihatan bagi tujuan pekerjaan atau musafir, kaca mata, kanta sesentuh, alat bantuan pendengaran, jerawat dan bulu roma berlebihan atau apa-apa sahaja yang berkaitan dengan keadaan kesihatan, vitamin, makanan tambahan, suntikan interferon dan ubat yang sama dengannya, kesemua rawatan pergigian atau pembedahan oral yang berkaitan dengan masalah gigi (selain di dalam terma-terma Manfaat Pergigian disebabkan Kemalangan);
 4. Rawatan atau pembedahan kosmetik termasuk pembedahan varicose veins yang tidak rumit sama ada mempunyai gejala atau tidak, septum hidung bengkok, uvuloplasti untuk apa-apa juga sebab dan mana-mana rawatan atau Prosedur navi yang disahkan bukan kanser;
 5. Mana-mana perbelanjaan Orang yang Dilindungi yang bermusafir keluar dari Brunei bertentangan dengan nasihat doktor atau bertujuan untuk menjalani rawatan perubatan atau untuk berehat dan pemulihan berikutan kemalangan sebelumnya, penyakit atau keadaan-keadaan sedia ada;
 6. Ujian atau rawatan berkaitan kesuburan, kotraseptik, pensterilan, mati pucuk, kecacatan kelahiran, penyakit kongenital, penyakit keturunan, penyakit genetik, mana-mana pengguguran yang dilakukan, mana-mana pengawetan krio, implantasi atau implantasi semua sel-sel hidup;
 7. Kehamilan, keguguran, atau melahirkan anak, menopause, simptom-simptom pra menopause termasuk rawatan terapi penggantian hormon, sindrom polycystic ovari, dan yang berkaitan dengannya;



8. Prostesis, alat-alat pembaikan dan peralatan perubatan yang tidak memerlukan pembedahan, rawatan yang dilakukan oleh ahli keluarga dan semua jenis rawatan yang tidak diakui secara saintifik oleh piawaian Negara-Negara Eropah Barat dan Amerika Utara;
9. Ubat tradisional Cina, homeopathy, akupunktur, ubatan Unani, Ayurveda, kiropraktik dan rawatan osteopati;
10. Semua kos berkaitan tranplan kornea, muskular, tulang, organ manusia atau tisu dari penyumbang kepada penerima dan semua perbelanjaan sama ada secara langsung atau tidak langsung berkaitan dengan pemindahan organ;
11. Rawatan untuk emosi, mental, penyakit-penyakit psikiatrik, kecelaruan psikologi, kecederaan yang dilakukan diri sendiri, bunuh diri, ketagihan atau penyalahgunaan dadah, arak atau bahan larangan;
12. Penyakit-penyakit berpunca daripada hubungan kelamin dan mana-mana rawatan atau ujian yang berkaitan dengan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau apa-apa keadaan atau penyakit yang berkaitan dengannya;
13. Rawatan pilihan di luar negara untuk rawatan yang bukan kecemasan atau keadaan perubatan yang kronik di mana rawatan yang diperlindungi boleh secara munasabah dapat ditangguhkan sehingga Orang yang Dilindungi pulang ke Brunei;
14. Melakukan eksperimen atau merintis atau kaedah perubatan dan pembedahan maju;
15. Mana-mana perbelanjaan yang dikenakan akibat daripada penyertaan aktif di dalam perkhidmatan tentera atau polis mana-mana negara, penyertaan aktif dalam peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), pelanggaran, tindakan musuh asing, pemusuhan, perang saudara, pemberontakan, rusuhan, menentang kerajaan atau kebangkitan;
16. Mana-mana perbelanjaan untuk melakukan atau percubaan untuk melakukan perbuatan yang menyalahi undang-undang;
17. Mana-mana perbelanjaan, tanpa mengira mana-mana faktor penyebab yang melibatkan penggunaan, pelepasan atau ancaman senjata nuklear atau peralatannya atau kimia atau agen biologi atau pencemaran radioaktif, termasuk tetapi tidak terhad kepada perbelanjaan yang menjadi penyebab atau menyumbang kepada perbuatan keganasan atau peperangan;
18. Kos perjalanan yang dilakukan khas bagi mendapatkan rawatan perubatan (melainkan ianya telah diluluskan sebagai Pemindahan Kecemasan Perubatan) dan semua kos Pemindahan Kecemasan Perubatan yang tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Syarikat atau Pusat Bantuan Kecemasan 24 jam yang telah dilantik oleh Syarikat;
19. Kos hotel atau penginapan bukan hospital, penjagaan warga tua, penjagaan hospis, rehabilitasi, rehat untuk pemulihan dan perkhidmatan atau rawatan di rumah jururawat atau rumah orang tua atau rawatan yang seumpamanya, spa, klinik hidro, rumah gila atau pusat jagaan jangka masa panjang yang tidak ditakrifkan sebagai hospital;
20. Mana-mana perbelanjaan yang berkaitan dengan kemalangan atau kecederaan yang berlaku semasa menjalani aktiviti memanjat gua, mendaki gunung yang memerlukan penggunaan pemandu arah atau tali, potholing, terjun bebas, payung terjun, terjunan bungee, menaiki belon, luncuran udara, penyelaman laut dalam yang



menggunakan pelindung kepala yang bersambung dengan saluran udara, seni pertahanan diri, ralli, mana-mana jenis perlumbaan selain menggunakan kaki dan mana-mana jenis sukan terancang yang dilakukan sebagai professional atau atas asas tajaan;

21. Mana-mana rawatan atau perbelanjaan untuk Orang yang Dilindungi yang umurnya kurang daripada enam (6) bulan atau melebihi enam puluh lima (65) tahun pada tarikh kejadian yang menyebabkan tuntutan kecuali telah dipersetujui oleh pihak Syarikat sebelum Sijil berkuatkuasa;
22. Kos pengangkutan air atau udara yang dimiliki oleh Orang yang Dilindungi atau milik majikannya atau kos rawatan perubatan yang ditanggung oleh kakitangan majikan atau kemudahan perubatan yang disediakan oleh majikan kecuali telah dipersetujui oleh pihak Syarikat secara bertulis sebelum Sijil berkuatkuasa. Pengecualian ini juga digunapakai bagi pengangkutan dan rawatan perubatan yang layak diterima oleh Orang yang Dilindungi berasaskan perjanjian antara Orang yang Dilindungi dan majikannya dan mana-mana penanggung;
23. Kos yang timbul daripada dakwaan atau pertelingkahan di antara Orang yang Dilindungi dan mana-mana ahli perubatan atau badan yang mana rawatan telahpun diminta atau diberikan, atau mana-mana kos yang tidak secara khas berkaitan dengan pembayaran perbelanjaan perubatan yang dilindungi oleh Sijil;
24. Cukai barangan dan perkhidmatan dan cukai lain yang dikenakan oleh kerajaan yang mungkin dikenakan bagi rawatan tersebut;
25. Penyakit-Penyakit berjangkit yang memerlukan pengasingan dan kuarantin oleh undang-undang sekiranya berlaku epidemik atau pandemic;
26. Prosedur diagnostic atau alat-alat untuk membetulkan pendengaran termasuk tetapi tidak terhad kepada alat bantuan pendengaran dan implan koklear;
27. Mana-mana perkhatan sama ada disebabkan oleh penyakit atau jangkitan kuman;
28. Rawatan untuk obesiti, pengurangan atau pembaikan berat badan;
29. Khidmat persendirian yang bukan perubatan seperti telefon, televisyen, surat khabar dan yang seumpamanya;
30. Mana-mana rawatan berikutan daripada perkara-perkara yang dilarang oleh Syariah;
31. Mana-mana perbelanjaan yang berkaitan dengan apa-apa jenis penerbangan udara selain daripada penumpang penerbangan udara berjadual atau kapal terbang charter berlesen yang menggunakan laluan udara yang telah diwartakan;
32. Mana-mana perbelanjaan yang dikenakan sebagai atau akibat dari mana-mana jenis aktiviti daripada atau di atas kapal atau pelantar minyak atau lokasi luar pantai yang seumpamanya.

PERBELANJAAN PEMULANGAN

Tiada bayaran akan diberikan di bawah manfaat ini jika kematian atau Keilatan Kekal Seluruh Badan Orang yang Dilindungi adalah berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada Peserta.



PEMINDAHAN KECEMASAN PERUBATAN, PEMULANGAN PERUBATAN DAN PEMULANGAN JENAZAH.

Rawatan, butiran, keadaan, aktiviti dan perkara yang berkaitan atau perbelanjaan susulan berikut adalah dikecualikan melainkan International SOS Pte Ltd telah memberikan kelulusan terdahulu secara bertulis:

1. Mana-amana kos atau perbelanjaan yang tidak dinyatakan perlindungannya oleh program International SOS dan tidak diluluskan secara terdahulu dan secara bertulis dan/atau tidak diuruskan oleh International SOS. Pengecualian ini tidak mencakupi pemindahan kecemasan perubatan dari kawasan terpencil atau kuno di mana International SOS tidak boleh dihubungi terlebih dahulu dan kelewatan boleh memungkinkan terjadinya kehilangan nyawa atau bahaya kepada Orang yang Dilindungi;
2. Mana-mana kejadian yang berlaku semasa Orang yang Dilindungi berada di dalam wilayah Brunei, Negara asalnya atau Negara Tempat Tinggalnya;
3. Mana-mana perbelanjaan untuk Orang yang Dilindungi bermusafir keluar dari Brunei bertentangan dengan nasihat doktor atau bertujuan untuk menjalani rawatan perubatan atau untuk berehat dan pemulihan berikutan dari kemalangan sebelumnya, penyakit atau keadaan-keadaan Sedia Ada;
4. Mana-mana perbelanjaan untuk pemindahan perubatan atau pemulangan jika Orang yang Dilindungi itu tidak mengalami Keadaan Perubatan Serius, dan/atau di dalam pendapat doktor International SOS, Orang yang Dilindungi itu boleh mendapat rawatan yang mencukupi setempat, atau rawatan itu secara munasabah boleh ditanggungkan sehingga Orang yang Dilindungi pulang ke Brunei;
5. Mana-mana rawatan atau perbelanjaan yang berkaitan dengan melahirkan anak, keguguran atau kehamilan;
6. Mana-mana perbelanjaan yang berkaitan dengan kemalangan atau kecederaan yang berlaku semasa menjalani aktiviti memanjat gua, mendaki gunung yang memerlukan penggunaan pemandu arah atau tali, potholing, terjun bebas, payung terjun, terjunan bungee, menaiki belon, luncuran udara, penyelaman laut dalam yang menggunakan pelindung kepala yang bersambung dengan saluran udara, seni pertahanan diri, ralli, mana-mana jenis perlumbaan selain menggunakan kaki dan mana-mana jenis sukan terancang yang dilakukan sebagai professional atau atas asas tajaan;
7. Mana-mana perbelanjaan yang dikenakan untuk rawatan emosi, mental dan penyakit-penyakit psikiatrik;
8. Mana-mana perbelanjaan yang dikenakan sebagai akibat dari kecederaan yang dilakukan diri sendiri, bunuh diri, ketagihan atau penyalahgunaan dadah, arak, penyakit-penyakit berpunca daripada hubungan kelamin;
9. Mana-mana perbelanjaan yang dikenakan sebagai akibat daripada Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau apa-apa keadaan atau penyakit yang berkaitan dengannya;
10. Mana-mana perbelanjaan yang berkaitan dengan rawatan yang dilakukan atau diarahkan oleh Pengamal Perubatan tidak berdaftar yang tidak menepati piawaian Pengamal Perubatan sebagaimana ditakrifkan di dalam Negara ia menerima rawatan tersebut;
11. Mana-mana perbelanjaan yang dikenakan sebagai akibat daripada penyertaan aktif di dalam perkhidmatan tentera atau polis mana-mana negara, penyertaan aktif dalam peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), pelanggaran, tindakan musuh asing, pemusuhan, perang saudara, pemberontakan, rusuhan, menentang kerajaan



Sijil Takaful StudentCare

atau kebangkitan;

12. Mana-mana perbelanjaan bagi Orang yang Dilindungi melebihi umur enam puluh lima (65) tahun pada tarikh berlakunya intervensi.
13. Kos pengebumian di Brunei atau di Negara Asal.
14. Kos pengangkutan air yang dimiliki atau disewa oleh Orang yang Dilindungi kecuali telah dipersetujui secara bertulis oleh International SOS sebelum tarikh kuatkuasa perjanjian;
15. Lebih daripada satu pemindahan kecemasan dan/atau pemulangan untuk mana-mana satu keadaan penyakit Orang yang Dilindungi semasa terma sijil Takaful tertakluk kepada had maksima satu tahun melainkan sebaliknya diputuskan oleh International SOS sebagai keperluan ubatan;
16. Mana-mana perbelanjaan untuk pemindahan perubatan atau pemulangan di mana Orang yang Dilindungi, pada pendapat Doktor International SOS bahawa, boleh bermusafir sebagai penumpang biasa tanpa perlu pengiring perubatan;
17. Mana-mana perbelanjaan berkaitan dengan Orang yang Dilindungi terlibat dengan apa-apa jenis penerbangan udara selain daripada penumpang penerbangan berjadual atau kapal terbang charter yang menggunakan laluan udara yang telah diwartakan;
18. Mana-mana perbelanjaan yang berkaitan dengan Orang yang Dilindungi untuk melakukan atau percubaan untuk melakukan perbuatan yang menyalahi undang-undang;
19. Mana-mana perbelanjaan, tanpa mengira mana-mana faktor penyebab yang melibatkan penggunaan, pelepasan atau ancaman senjata nuklear atau peralatannya atau kimia atau agen biologi atau pencemaran radioaktif, termasuk tetapi tidak terhad kepada perbelanjaan yang menjadi penyebab atau menyumbang kepada perbuatan keganasan atau peperangan;
20. Apa-apa perbelanjaan yang dikenakan sebagai akibat daripada semua jenis aktiviti dari atau di atas kapal atau pelantar minyak atau lokasi luar pantai yang seumpamanya;
21. Mana-mana perbelanjaan yang diakibatkan secara langsung daripada letusan nuklear atau radiasi;
22. Mana-mana perbelanjaan yang dikenakan sebagai akibat daripada Keadaan Sedia Ada.

2. MANFAAT PERJALANAN

(a) Tanggungan Peribadi

Gantirugi ini tidak termasuk penghakiman pertama yang diperolehi daripada Mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang diakui dalam Negara Brunei Darussalam.

(b) Kehilangan/Kerosakan Bagasi

Takaful ini tidak melindungi:

1. Kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh kelewatan, penyitaan, penahanan atau pemeriksaan oleh pihak berkuasa kastam atau pegawai yang lain;



Sijil Takaful StudentCare

2. Kehilangan wang tunai, nota bank, alatan perundingan, bon atau sekuriti, dan apa-apa dokumen dalam apa-apa bentuk dan semua perbelanjaan akibat daripada kehilangan passport, visa, tiket penerbangan, pengangkutan, penginapan atau apa-apa baucer pelancongan lain;
3. Bagasi yang tidak diiringi atau bagasi yang ditinggalkan atau kehilangan akibat daripada kelalaian peribadi, atau kehilangan yang tidak dapat dijelaskan.
4. Pecah atau kerosakan semua gambaran barangan rapuh, stereo, video dan peralatan elektronik yang lain, kaset dan pemain rekod, radio, peralatan rumah, tembikar, barangan kaca, porselin, objek seni, batu-batu permata berharga atau separuh berharga sama ada dengan set atau tidak, barang kemas;
5. Peralatan Sukan yang digunakan;
6. Kelusuhan dan koyak, rama-rama atau serangga perosak, pembersihan, pembaikan atau proses pemulihan, cas-cas atmosfera atau cuaca, atau penyusutan nilai dan penyusutan tersebut harus dilaksanakan sepenuhnya di atas budi bicara Syarikat;
7. Kehilangan, kerosakan kepada cermin mata, lensa mata, gigi palsu dan alat bantu pembiasan yang lain, atau untuk alat bantuan pendengaran;

(c) Pembatalan Perjalanan & Pemendekkan Jadual Perjalanan

Tiada manfaat akan dibayar berhubung dengan kerugian yang diakibatkan daripada kehamilan atau sakit puan atau yang berkaitan dengannya.

3. MANFAAT KEMATIAN

Syarikat tidak akan membayar manfaat takaful jika kematian Orang yang Dilindungi disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada:

- a. Keadaan-keadaan sedia ada sebagaimana ditakrifkan dan/atau sebagaimana dipersetujui oleh pihak Syarikat secara bertulis sebelum Tarikh Kuatkuasa Sijil;
- b. Peperangan, pelanggaran, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi-operasi berupa peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan tentera, kegemparan awam yang menyumbang kepada rusuhan tentera, kebangkitan, pemberontakan, rampasan kuasa atau apa sahaja tindakan atau orang yang bertindak bagi pihak atau yang berkaitan dengan mana-mana pertubuhan yang bergiat ke arah penggulingan secara kekerasan mana-mana kerajaan atau mempengaruhinya dengan menggunakan keganasan atau kekerasan;
- c. Mana-mana tindakan yang menyalahi undang-undang atau tindakan tersebut dilarang oleh undang-undang dan/atau Prinsip Syariah;
- d. Bunuh diri;
- e. Berada di bawah pengaruh arak, penyalahgunaan dadah, bahan-bahan yang mengkhayalkan;
- f. Secara langsung atau tidak langsung dijangkiti penyakit Sindrom Kurang Daya Tahan (AIDS) atau yang berkaitan dengannya.

4. KEILATAN KEKAL SELURUH TUBUH BADAN DAN KEMATIAN KEMALANGAN

Syarikat tidak akan membayar manfaat takaful jika Keilatan Kekal Seluruh Badan atau Kematian Kemalangan Orang yang Dilindungi disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada:



Sijil Takaful StudentCare

- a. Keadaan- keadaan sedia ada sebagaimana ditakrifkan dan/atau sebagaimana dipersetujui oleh pihak Syarikat secara bertulis sebelum Tarikh Kuatkuasa Sijil;
- b. Peperangan, pelanggaran, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi-operasi berupa peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan tentera, kegemparan awam yang menyumbangkan kepada rusuhan tentera, kebangkitan, pemberontakan, rampasan kuasa atau apa sahaja tindakan atau orang yang bertindak bagi pihak atau yang berkaitan dengan mana-mana pertubuhan yang bergiat ke arah penggulingan secara kekerasan mana-mana kerajaan atau mempengaruhinya dengan menggunakan keganasan atau kekerasan;
- c. Mana-mana tindakan yang menyalahi undang-undang atau tindakan tersebut dilarang oleh undang-undang dan/atau Prinsip Syariah;
- d. Cubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan oleh diri sendiri sama ada dalam keadaan waras atau gila;
- e. Mana-mana pelanggaran undang-undang oleh Orang yang Dilindungi termasuk yang mengakibatkan hukuman penjara atau pencerobohan berpunca daripadanya;
- f. Berada di bawah pengaruh arak, penyalahgunaan dadah, bahan-bahan yang memabukkan;
- g. Penerbangan, gelungsur angin atau apa-apa jenis penerbangan udara selain daripada penumpang yang membayar tambang biasa daripada syarikat penerbangan atau perkhidmatan charter yang diiktiraf;
- h. Penyertaan atau latihan yang merbahaya atau latihan jenis sukan atau pertandingan yang merbahaya atau menunggang atau memandu dalam apa jua jenis perlumbaan atau pertandingan yang merbahaya;
- i. Penglibatan dalam mana-mana kegiatan dalam air yang menggunakan alat-alat pernafasan;
- j. Kecederaan yang disebabkan oleh letusan nuklear, gabungan nuklear, bahan senjata nuklear atau pencemaran radioaktif;
- k. Perkhidmatan dalam apa-apa jenis kedudukan dalam mana-mana perkhidmatan tentera laut, tentera darat, tentera udara, polis atau anggota keselamatan;
- l. Secara langsung atau tidak langsung dijangkiti penyakit Sindrom Kurang Daya Tahan (AIDS) atau yang berkaitan dengannya;
- m. Mana-mana keilatan kekal Orang yang Dilindungi selepas berumur enam puluh (60) tahun.



BAHAGIAN 6: TUNTUTAN

1. PENJAGAAN KESIHATAN

Syarikat akan senantiasa bersangka baik di dalam segala urusan Syarikat. Sebagai imbalannya, segala pembayaran tuntutan adalah bergantung kepada:

1. Persetujuan Awal

Sebelum rawatan yang dilindungi diambil di Hospital sebagai seorang Pesakit Dalam (kecuali kes Kemalangan atau kecemasan perubatan), Orang yang Dilindungi mesti memberitahu Syarikat dengan mengisi Borang Permohonan Persetujuan Awal dengan lengkap tujuh (7) hari sebelum tarikh cadangan kemasukan ke Hospital. Tempoh sah Borang Permohonan Persetujuan Awal adalah untuk empat belas (14) hari daripada tarikh ianya diluluskan dan rawatan mestilah diterima dalam tempoh tersebut. Selepas itu, Borang Permohonan Persetujuan Awal yang baru adalah diperlukan.

2. Bayaran Balik

Untuk sesuatu tuntutan berasaskan bayaran balik, Borang Tuntutan Bayaran Balik yang lengkap diisi (telah dicop dan dilengkapkan oleh Doktor yang merawat) mestilah diserahkan kepada Syarikat bersama dengan dokumen perubatan sokongan asal (dokumen hendaklah di dalam Bahasa Inggeris atau salinan terjemahan yang telah diakui sah, yang mana berkenaan) tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari daripada tarikh menerima rawatan atau tarikh keluar daripada Hospital. Syarikat mempunyai hak untuk menolak tuntutan yang tidak menuruti syarat ini.

Di dalam kes-kes Kemalangan atau Kecemasan Perubatan, Borang Tuntutan Bayaran Balik yang lengkap diisi (telah dicop dan dilengkapkan oleh Doktor yang merawat) mesti diserahkan kepada Syarikat bersama dengan dokumen perubatan sokongan asal (dokumen hendaklah di dalam Bahasa Inggeris atau salinan terjemahan yang telah diakui sah, yang mana berkenaan) tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari daripada tarikh menerima rawatan atau tarikh keluar daripada hospital.

3. Pemberitahuan

Pemberitahuan serta-merta berkenaan dengan mana-mana keadaan yang mungkin memerlukan Pemindahan Kecemasan Perubatan atau Pemulangan mesti disalurkan kepada Pusat Bantuan Kecemasan 24 jam dan kelulusan daripadanya haruslah didapatkan sebelum pengangkutan dilakukan.

Syarat-syarat Notis Tuntutan, bersama dengan Tuntutan-tuntutan dan Prosedur-prosedur Bantuan Kecemasan harus diperhatikan dan dikepikan bersama-sama menjadi sebahagian daripada Sijil, yang mana ianya adalah syarat-syarat yang mendahului tanggungjawab Syarikat di bawah Sijil ini.

4. Jaminan Bayaran

Setelah menerima Notis Tuntutan cukup sebelumnya untuk rawatan pesakit dalaman Hospital dan/atau khidmat Pemindahan Kecemasan Perubatan, pihak Syarikat atau Pusat Bantuan Kecemasan 24 jam akan mengesahkan had manfaat Takaful, mengawasi prosedur tuntutan, mengeluarkan (di mana boleh) kelulusan permohonan Persetujuan Awal yang bersesuaian dan/atau mengatur pembayaran secara terus kepada Hospital, Doktor atau pemberi perkhidmatan lainnya tertakluk selalu kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat Sijil. Pemberitahuan Awal ini hanya sah untuk tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh kelulusan dan jika rawatan dilakukan selepas tempoh sahlaku, Persetujuan Awal yang baru diperlukan. Tiada Jaminan Bayaran atau bayaran terus akan dibuat jika Syarikat atau



Sijil Takaful StudentCare

Pusat Bantuan Kecemasan 24jam tidak dimaklumkan lebih dahulu bersama dengan semua butiran lengkap yang berkaitan sebagaimana dinyatakan di atas.

Khidmat Perlindungan Pesakit Luar yang dilindungi tidak terikat dengan Jaminan Bayaran atau Bayaran Terus dan ianya mestilah dibayar oleh Orang yang Dilindungi atau Peserta dan bayaran balik ditolak potongan dituntut di bawah Sijil.

Potongan sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual Manfaat adalah berdasarkan kepada satu keilangan bagi seorang Orang yang Dilindungi.

5. Bukti Tuntutan

Dokumentasi asal bersama resit beserta Borang Tuntutan yang lengkap ditandatangani oleh Doktor yang merawat dan Orang yang Dilindungi mestilah diserahkan kepada Syarikat di dalam tempoh masa yang dinyatakan di atas. Segala kos yang dikenakan, jika ada, untuk mendapatkan dan melengkapkan kesemua dokumen/dokumen sokongan adalah ditanggung oleh Orang yang Dilindungi. Salinan fotokopi adalah tidak diterima.

Salah satu daripada dokumen-dokumen berikut adalah dianggap sebagai bukti yang sah oleh Syarikat untuk membayar perbelanjaan pengebumian atau perbelanjaan pemulangan:

- a. Sijil Mati;
- b. Permit menguburkan
- c. Pengesahan Pegawai Perubatan dari mana-mana Hospital atau klinik yang berdaftar.

2. MANFAAT PERJALANAN

- a) Notis setiap tuntutan hendaklah diberikan kepada Syarikat dalam masa tiga puluh (30) hari daripada tarikh kejadian dan untuk tuntutan di bawah Tanggungan Peribadi notis tersebut mestilah diberikan secara bertulis secepat mungkin dan dalam hal apapun selewat-lewatnya empat belas (14) hari selepas kejadian yang boleh menyebabkan tuntutan seperti itu. Semua tuntutan perlu dibuat bersama-sama dengan bukti yang memuaskan kepada Syarikat mengenai Kematian, Penyakit, Keilangan, Kecederaan atau kerugian yang mana tuntutan dibuat dan akan diberikan atas permintaan di atas perbelanjaan penuntut sendiri.
- b) Semua tuntutan perlu diserahkan dengan maklumat sokongan menyeluruh termasuk:

i. Tanggungan Peribadi

Pemberitahuan serta-merta secara bertulis kepada Syarikat untuk tuntutan yang mungkin terjadi menunjukkan sifat dan keadaan kejadian atau peristiwa, bersama-sama dengan pengesahan bahawa tidak ada pengakuan tanggung jawab telah dibuat dan bahawa tiada penyelesaian telah dibuat atau disepakati tanpa pengetahuan sebelumnya dan persetujuan bertulis daripada Syarikat. Dokumen penuh termasuk salinan surat saman, dokumen-dokumen mahkamah, peguam dan koresponden undang-undang yang lain dan lain-lain mestilah diserahkan kepada Syarikat secepat mungkin selepas kejadian berlaku.

ii. Kehilangan/Kerosakan Bagasi, Kelewatan Bagasi dan Kehilangan/Kerosakan Komputer & Komputer riba

Semua butiran termasuk resit yang menunjukkan tarikh pembelian, harga, model dan jenis peralatan yang hilang atau rosak, salinan notis SEGERA kepada Syarikat penerbangan/pembawa dan pengakuan rasmi secara bertulis ketika kehilangan atau kerosakan yang telah terjadi semasa transit dan salinan laporan polis rasmi secara bertulis SEGERA ketika kehilangan atau kerosakan yang telah terjadi dalam keadaan lain. Laporan ke pihak berkuasa ini mestilah dilakukan dalam masa dua puluh empat (24) jam dari kejadian.



iii. Pembatalan Perjalanan dan Pemendekkan Jadual Perjalanan

Semua bil, resit, tiket, kupon, perjanjian atau persetujuan yang berkaitan dengan tuntutan tersebut.

iv. Kejadian Mogok dan Rampasan

Dokumen yang memuaskan kepada Syarikat bahawa kejadian / tindakan industri diakui secara rasmi.

3. KEMATIAN, KEMATIAN DISEBABKAN KEMALANGAN DAN KEILATAN KEKAL

Notis secara bertulis mengenai kejadian yang menjadi asas kepada tuntutan di bawah Sijil ini mesti dikemukakan kepada Syarikat dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh kejadian berkenaan. Notis yang diberikan oleh atau bagi pihak Peserta kepada Syarikat dengan maklumat-maklumat yang secukupnya bagi mengenal pasti Peserta adalah dianggap sebagai notis kepada Syarikat.

Dengan syarat bahawa Peserta telah mengalami Keilatan Kekal Seluruh Tubuh Badan, di atas bukti kukuh dan nyata hendaklah diserahkan kepada Syarikat selepas enam (6) bulan dan dalam tempoh sembilan (9) bulan daripada tarikh berlakunya Keilatan tersebut. Walau bagaimanapun kegagalan untuk mengemukakan notis dalam tempoh yang dinyatakan tidak akan membatalkan tuntutan jika dapat dibuktikan adalah tidak munasabah bagi Peserta mengemukakan notis dalam tempoh tersebut dan notis tersebut telah dikemukakan dalam tempoh yang berpatutan.

4. PEMERIKSAAN

Syarikat mempunyai hak dan kesempatan melalui wakil perubatannya untuk memeriksa Peserta pada bila dan seberapa kerap yang ia dapati munasabah. Sebagai tambahan, Syarikat mempunyai hak untuk mendapatkan pemeriksaan punca kematian, di mana ini adalah tidak bertentangan dengan undang-undang.

5. PEMBAYARAN TUNTUTAN

Semua perbelanjaan perubatan yang kena dibayarkan akan dibayar balik dalam Dollar Brunei (BND). Di mana Sijil dikeluarkan menggunakan matawang asing, pembayaran akan dilakukan mengikut kadar tukaran semasa pada tarikh pembayaran yang disediakan oleh Bank Islam Brunei Darussalam Berhad.

6. PEMBAHAGIAN SEBAGAIMANA KADAR

Tertakluk kepada tanggungan maksima di bawah sijil ini, jika ketika timbul tuntutan di bawah sijil ini dan juga ada takaful/insurans lain yang masih berkuatkuasa, sama ada atas Peserta atau orang atau orang-orang lain, yang juga melindungi Orang yang Dilindungi, Syarikat tidak bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbang lebih daripada bahagiannya secara penisbahan di atas tuntutan tersebut dan dalam kaitannya dengan tanggungan maksima syarikat di bawah sijil ini.

7. PEMBATASAN HAD

Dengan ini dinyatakan bahawa jika tiada notis tuntutan diserahkan oleh Orang yang Dilindungi kepada Syarikat dalam masa 6 bulan selepas berakhirnya Sijil ini, Syarikat tidak akan bertanggung jawab untuk mengganti kerugian Peserta di bawah ini Sijil terhadap apa-apa tuntutan sekalipun oleh Orang yang Dilindungi ke atas Peserta.

8. PENIPUAN TUNTUTAN

Jika tuntutan dalam hal apapun adalah penipuan atau jika ada istiharan palsu dibuat atau digunakan untuk menyokongnya, atau jika apa-apa cara penipuan atau helah digunakan oleh Peserta atau siapa-siapa sahaja yang bertindak bagi pihaknya untuk mendapatkan apa-apa manfaat di bawah Sijil ini, atau jika tuntutan disebabkan oleh tindakan sengaja atau dengan sepakatan Peserta, semua manfaat di bawah ini Sijil akan terbatal. Jika ada bayaran yang



telah dibuat oleh Syarikat, maka Syarikat mempunyai hak untuk mendapat semula bayaran tersebut serta mengambil tindakan undang-undang terhadap Peserta.

9. TINDAKAN UNDANG-UNDANG.

Tiada tindakan undang-undang atau yang sebanding boleh diambil untuk mendapatkan bayaran tuntutan di bawah Sijil sehingga tamat tempoh enam puluh (60) hari daripada tarikh Bukti Tuntutan dibekalkan mengikut syarat-syarat Sijil. Semua pihak telah bersetuju bahawa Undang-Undang Brunei akan meneraju dan mengawal sekiranya berlaku perselisihan atau pertelingkahan di antara pihak-pihak terlibat berkenaan dengan Sijil, dan semua pihak akan berserah kepada saluran dan penghakiman Mahkamah Brunei bagi mendapatkan penyelesaian mana-mana perselisihan dan pertelingkahan.

BUTIRAN PERHUBUNGAN TUNTUTAN

Sila hubungi:

Jabatan Tuntutan,
Unit 1 & 2 Kompleks Seri Kiulap,
Kg.Kiulap, Gadong,
Bandar Seri Begawan BE1318,
Negara Brunei Darussalam

No. Telefon : +673 2231 100

Pusat Bantuan Kecemasan 24 jam

International SOS Pte Ltd

331 North Bridge Road, 17th Floor
Odeon Towers
Singapore 188720
No. Telefon : (65) 63387800

Dalam semua perhubungan dengan International SOS Pte Ltd, Orang yang Dilindungi harus menyatakan:

Nama
No Sijil
Nama Majikan
ID Keahlian

Naskah Bahasa Inggeris adalah Sijil yang sah dan akan dirujuk sekiranya timbul apa-apa pertikaian daripada Sijil ini.